

100 tahun Parit Raja akan disambut tahun depan

SRI GADING – Sambutan 100 tahun Parit Raja akan diraikan secara besar-besaran tahun hadapan dengan pelbagai aktiviti yang sedang disusun, agar sambutannya menjadi ingatan setiap warganya.

Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Mohamed Aziz berkata, sambutan 100 tahun Parit Raja yang terpaksa dianjak itu sememangnya tidak dapat dielakkan, dan pihaknya akan merangka aktiviti yang terbaik untuk sambutannya.

Menurutnya, langkah itu bagi membolehkan fakta sejarah sebenar kawasan yang lebih dikenali sebagai 'Bandar Jajan' ini dapat dikumpulkan dengan seberapa lengkap untuk tatapan generasi muda.

"Pengumpulan sejarah kawasan Parit Raja ini, yang jauhnya 10 kilometer dari Ayer Hitam akan dilakukan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor.

"Ia juga akan mendapatkan khidmat daripada Universiti Tuh Hessein Onn Malaysia (UTHM), dan yang paling penting sekali mendapatkan kerjasama daripada Pejabat Daerah Batu Pahat.

"Ia termasuklah menemui keluarga Haji Nawawi Ali, individu

yang bertanggungjawab membuka Parit Raja kira-kira 100 tahun lalu serta tokoh sejarah setempat bagi membolehkan sejarah Parit Raja ini dijilidkan sebagai buku rujukan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu Mohamed berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan Pejabat Daerah dan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) bagi merangka serta menyusun agenda juga program yang bersesuaian sebagai acara sambutannya nanti.

Katanya, dalam sambutan berkenaan pihaknya seboleh-bolehnya akan melibatkan kesemua warga Parit Raja tanpa mengira kaum, umur, peringkat, semuanya akan terlibat.

"Kita akan menjadikan sambutan 100 tahun Batu Pahat yang mula dianjurkan pada 1994 ini sebagai penanda aras seterusnya menyusun idea sambutan supaya ia tidak sekadar perayaan kosong yang tidak 'berjiwa'.

"Antara acara yang dirancang adalah perarakan 100 tahun Parit Raja, mengumpulkan anak kelahiran Parit Raja yang sudah menempa nama dan berjaya dalam pelbagai bidang pada satu majlis dialog atau ilmu selain pelbagai acara menarik yang lain," katanya.